

Headline	Grid elektrik SESB alami defisit bekalan 155MW		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	18 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	1
ArticleSize	206 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,282		



Grid elektrik SESB alami defisit bekalan 155MW

KOTA KINABALU: Bekalan elektrik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) pada grid Sabah kini mengalami defisit sebanyak 155 megawatt (MW) setelah dua syarikat utama pengeluar tenaga bebas (IPP) di negeri itu tidak dapat beroperasi sepenuhnya.



Pengurus Besar Operator Sistem Grid Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan SESB, Adrian Mosigil (**gambar**) berkata dua IPP terbabit adalah Kimanis Power Sdn Bhd yang membekalkan 95MW dan Ranhill Powertron Sdn Bhd membekalkan 60MW tenaga elektrik.

Beliau berkata setakat bulan ini, grid elektrik SESB mempunyai kapasiti untuk membekalkan tenaga elektrik sebanyak 1,177.3MW di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, permintaan tenaga elektrik pada waktu puncak mencecah sehingga 1,090.73MW dalam sehari.

“Ketidakmampuan Kimanis Power dan Ranhill membekalkan tenaga dalam tempoh ini menyebabkan SESB kehilangan kapasiti sebanyak 155 MW tenaga elektrik sekali gus menye-

babkan rizab penjanaan sistem grid elektrik merosot ke paras yang kritikal.

“Setiap ketidakmampuan IPP untuk membekalkan tenaga kepada SESB akan memberikan kesan terhadap rizab margin yang kini berada di bawah paras 12 peratus sekali gus membawa kepada catuan bekalan elektrik,” katanya pada Rabu.

Adrian berkata Kimanis Power terpaksa menutup bekalan 95MW tenaga elektrik selama 14 hari sejak 6 hingga 20 Jan ini bagi memberi laluan kepada proses pemeriksaan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Beliau berkata Ranhill Powertron pula menutup bekalan tenaga elektriknya akibat masalah high vibration pada gear jana kuasa pada Ahad lalu (14 Jan) dan kerja pembaikan akan mengambil masa sehingga enam hari.

“IPP diharap dapat membekalkan tenaga elektrik secara konsisten kerana 80 peratus tenaga yang dibekalkan SESB kepada pengguna dibeli daripada syarikat IPP ini manakala SESB pula hanya mempunyai kapasiti penjanaan tenaga pada sekitar 20 peratus,” katanya. – Bernama